

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pemberian semua sekolah-sekolah daif di Sarawak sebab-sebab tertangguhnya sesetengah projek selepas bayaran RM350 juta untuk fasa pertama “*contra-loan*” yang dipersetujui antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek baik pulih bangunan daif di sekolah bagi negeri Sarawak yang dibiayai melalui peruntukan RM1 bilion, iaitu kontra bayaran balik pinjaman adalah mengikut mekanisme khusus. Mekanisme tersebut telah dipersetujui secara bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kerajaan Negeri Sarawak. Sehingga Julai 2020, sejumlah RM700 juta pinjaman telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Pelaksanaan projek baik pulih bangunan daif ini merangkumi pelbagai skop seperti pembinaan bilik darjah, blok pentadbiran, asrama, rumah guru, kuarters, dewan makan, pusat sumber, bilik sains, tandas dan kemudahan yang lain. Secara keseluruhannya, projek baik pulih bangunan daif di sekolah dengan dana RM1 bilion ini dilaksanakan melalui 3 fasa.

1. Fasa 1 melibatkan 41 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta;
2. Fasa 2 melibatkan 52 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta; dan
3. Fasa 3 sedang dimuktamadkan senarai dan skop projek oleh KPM bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak melibatkan kos projek sebanyak RM300 juta.

Sehingga 25 Ogos 2020, kerajaan telah meluluskan 93 projek bagi Fasa 1 dan Fasa 2 dengan kos RM700 juta. Bagi status pelaksanaan projek Fasa 1, sebanyak 21 projek berada di fasa pembinaan dan 20 projek lagi berada di fasa prabina. Perincian status pelaksanaan bagi projek fasa prabina meliputi 5 projek dalam proses pengeluaran Surat Setuju Terima, 9 projek dalam proses penilaian tender dan 6 projek dijangka akan ditender pada akhir bulan September 2020.

Bagi status pelaksanaan projek Fasa 2 pula, semua projek berada di dalam fasa pra bina. Pihak JKR Sarawak sedang dalam pelaksanaan kerja ukur dan penyediaan dokumen tender. Projek ini dijangka akan ditender secara berperingkat mulai 29 Ogos 2020.

Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan dalam pelaksanaan projek setelah selepas bayaran RM350 juta untuk Fasa 1 diterima adalah seperti yang berikut:

1. KPM hanya menerima kelulusan peruntukan daripada Kementerian Kewangan pada 5 Ogos 2019;
2. Pelbagai peringkat perbincangan perlu diadakan di antara KPM dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam memilih sekolah dan menentukan skop kerja;
3. Proses kerja-kerja awalan yang mengambil masa terutama kerja-kerja ukur dan penyiasatan tanah atau *Soil Investigation* (SI);
4. Tempoh pelaksanaan projek mengambil masa 6 hingga 18 bulan.

Sekian, terima kasih.